



JABATAN BENDAHARI (KAMPUS KUALA LUMPUR) • BURSAR'S DEPARTMENT (KUALA LUMPUR CAMPUS)

Rujukan : UKM KKL. 20/ 224/ 2/ 4 JLD 7
Tarikh : 27 November 2019

SURAT EDARAN BENDAHARI (KKL) BIL. 7/ 2019

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/ Hospital/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman
Kampus Kuala Lumpur
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,


PERINGATAN KEPADA KAKITANGAN KAMPUS KUALA KUMPUR BERKAITAN KAWALAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN KATA LALUAN SISTEM KEWANGAN

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling Bendahari Bil 1/2019 berkaitan Tatacara Pentadbiran Profil Keselamatan Pengguna Sistem UFAST adalah berkaitan.

Untuk makluman, setiap warga UKM akan diberikan akses untuk melayari sistem kewangan samada UFAST atau *Patient Accounting Module*. Akses diberikan kepada pengguna berdasarkan peranan serta tanggungjawab dan pengguna mempunyai akauntabiliti ke atas akses yang dicapai. Pengguna akan diberikan kata laluan yang merupakan kata kunci yang menjadi hak individu dan wajib dirahsiakan daripada pengetahuan orang lain. Ia juga bertujuan untuk memastikan maklumat kewangan dikawal kerahsiaan dan terpelihara.

Sehubungan itu, bagi memastikan kawalan keselamatan perlindungan kata laluan dikawal, berikut adalah beberapa langkah yang perlu dipatuhi oleh pengguna dalam urusan yang melibatkan sistem kewangan :-

- Rahsiakan kata laluan kerana ia adalah milik individu.
- Tidak boleh dikongsi dan pengguna tidak dibenarkan sama sekali memberi kata laluan kepada pengguna lain.
- Kata laluan hendaklah dihafal dan jangan disalin atau dipapar di mana-mana media seperti buku catatan, *desktop* dan sebagainya kerana dikhuatiri akan diketahui dan disalahguna oleh orang lain. Jika kata laluan perlu didokumenkan, pastikan ianya disimpan di lokasi yang selamat.
- Pengguna digalakkan menukar kata laluan secara berkala sekurang-kurangnya antara enam (6) bulan sehingga setahun sekali atau pada waktu jika disyaki kata laluan ini telah diketahui oleh orang lain atau akaun telah diceroboh.



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 01547



UNIT DASAR DAN PENGUATKUASAAN, JABATAN BENDAHARI (KKL)

d/a Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Kampus Kuala Lumpur
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur

Tel.: +603-9145 6488/ 6489/ 5189 Faks: +603-9145 6649 E-mel: usk-jkew@ppukm.ukm.edu.my Web: <https://www.pbukm.ukm.my>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my

- e) Elakkan penggunaan semula kata laluan yang terdahulu.
- f) Pengguna yang diberi akses hendaklah memastikan mereka menggunakan hak dan tanggungjawab yang dibenarkan sahaja.

Justeru itu, Jabatan ini mengingatkan semua pengguna agar dapat mematuhi peraturan yang ditetapkan sebagai tindakan kawalan. Kegagalan mematuhi peraturan ini boleh menyebabkan berlaku ketidakpatuhan dan risiko untuk berlaku salahguna serta penyelewengan dalam proses pengurusan kewangan Universiti.

Sukacita pihak YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat memaklumkan perkara ini kepada semua kakitangan di bawah seliaan pihak YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan. Segala kerjasama dan perhatian dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



WAN OMI BINTI HJ. WAN YUSSOP
 Timbalan Pengarah (Kewangan)
 Jabatan Bendahari (Kampus Kuala Lumpur)

- s.k - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur), UKM
- Dekan Fakulti Perubatan
- Dekan Fakulti Sains Kesihatan
- Dekan Fakulti Pergigian
- Dekan Fakulti Farmasi
- Pengarah Hospital Canselor Tuanku Muhriz, UKM
- Pengarah Hospital Pakar Kanak-kanak, UKM
- Pengetua Kolej Tun Syed Nasir
- Pengetua Kolej Tun Dr. Ismail



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 01547



UNIT DASAR DAN PENGUATKUASAAN, JABATAN BENDAHARI (KKL)

d/a Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Kampus Kuala Lumpur
 Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur

Tel Tel.: +603-9145 6488/ 6489/ 5189 Faks: +603-9145 6649 E-mel: usk-jkew@ppukm.ukm.edu.my Web: <https://www.ppukm.ukm.my>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my